

## Model Kapal Dalam Al-Quran Dan Naskhah-Naskhah Melayu

### Noor Syahidah Binti Mohamad Akhir (Dr)

Pensyarah Kanan  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Cawangan Kedah  
noorsyahidah9177@kedah.uitm.edu.my

### Siti Aisyah Binti Yusof

Pensyarah Kanan  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS)  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Cawangan Kedah  
aisyah421@kedah.uitm.edu.my

### Azrul Shahimy Bin Mohd Yusof

Pensyarah  
Akademi Pengajian Bahasa (APB)  
Universiti Teknologi MARA (UiTM)  
Cawangan Kedah  
azrulshahimy@kedah.uitm.edu.my

### Abstrak

Kapal merupakan kenderaan yang digunakan sejak sekian lama. Ia merupakan lambang ketinggian peradaban dan teknologi sesuatu bangsa atau kaum. Dalam peradaban manusia, kapal digunakan seawal zaman nabi Nuh as. Kapal juga dilihat menjadi pengangkutan awal dikalangan masyarakat di alam Melayu yang terkenal dengan kepakaran pembuatan kapal dan ilmu pelayaran. Kertas kerja ini akan menganalisis model kapal yang terdapat dalam al-Quran dan naskah-naskhah Melayu. Mengetahui fungsi dan struktur kapal yang disebutkan dalam al-Quran dan naskah-naskhah Melayu. Kajian ini merupakan kajian kualitatif dengan menggunakan kaedah perbandingan (*comparative analysis*) dan kaedah analisa kandungan (*content analysis*) dengan berpandukan al-Quran dan naskah Melayu sebagai teks utama. Kertas kerja ini adalah kajian rintis awal yang akan memaparkan jenis-jenis kapal dan fungsi dalam al-Quran dan naskhah Melayu. Ia berguna untuk mereka yang mengkaji lebih dalam lagi berhubung perkapalan.

Kata kunci : Model, kapal, al-Quran, naskhah Melayu.

## PENDAHULUAN

Kapal merupakan salah satu bentuk teknologi yang menggambarkan bentuk kemajuan sesebuah bangsa dan zaman. Ia menjadi lambang kemewahan dan kemegahan sepanjang sejarah perkembangan tamadun manusia. Teknologi perkapalan disebut di dalam al-Quran berulang kali secara khusus berhubung fungsinya. Manakala terdapat ayat al-Quran secara umum berhubung falsafah sebagai wadah berfikir dengan mengambil iktibar dan pengajaran daripada teknologi perkapalan.

Rentetan itu kertas kerja ini cuba mengaitkan bangsa Melayu dengan teknologi perkapalan kerana suatu ketika dahulu Melayu terkenal dengan kepakaran pembuatan kapal dan ilmu pelayaran menerusi beberapa catatan di China dan Barat. Faktor bentuk muka bumi di alam Melayu yang berkepulauan menjadikan sebahagian kawasan sebagai kerajaan Maritim yang menjadikan kapal sebagai suatu keperluan. Ilmu perdagangan masyarakat Melayu tidak dapat disangkal. Hubungan masyarakat Melayu dengan orang luar lebih mendedahkan mereka dengan ilmu pelayaran dan pembuatan kapal (Ahmad Jelani Halimi, 2006)

Menjadi suatu keperluan untuk diketengahkan berhubung ilmu pelayaran dan perkapalan. Penulis melihat kedua-dua teks iaitu al-Quran dan naskhah-naskhah Melayu masing-masing mempunyai khazanah ilmu yang perlu diketengahkan berhubung teknologi perkapalan. Al-Quran sebagai teks utama dalam tradisi ilmu Islam manakala sebahagian naskhah-naskhah Melayu sebagai teks utama dalam historiografi alam Melayu. Kertas kerja ini merupakan kajian rintis awal berhubung ilmu perkapalan dalam kedua-dua teks tersebut.

## OBJEKTIF KAJIAN


Kertas kerja ini menggariskan beberapa objektif iaitu :

- i) Menganalisis model kapal dalam al-Quran dan naskhah-naskhah Melayu.
- ii) Menganalisis fungsi dan struktur kapal dalam al-Quran dan naskhah-naskhah Melayu.

## ULASAN LITERATUR

Hasil tinjauan literatur mendapati kajian berhubung dengan perkapalan kebanyakannya dikaitkan dengan perkapalan zaman moden merangkumi aspek undang-undang, ekonomi termasuk perikanan, pelancongan dan pelaburan, struktur dan aspek moden perkapalan kini. Adalah suatu perkara yang penting untuk dikaji dan diteliti dari aspek peradaban dan kajian Islam. Justeru, kajian teks primer dirasakan perlu untuk melihat kembali sejarah kegemilangan kepakaran perkapalan ini. Berikut adalah landasan teori kajian (*theoretical framework*) :

Rajah 1 : Landasan teori kajian/ Theoretical framework



Kajian ini akan menggunakan dua teks utama iaitu al-Quran sebagai teks primer kajian Islam dan naskhah Melayu sebagai teks primer kajian historiografi alam Melayu. Merujuk Asmar Abdul Rahim (2011) "*Kapal dan Pengertiannya : Satu Pengungkapan Mengikut Perspektif al-Quran*", artikel ini memberi gambaran bahawa terdapat tiga istilah kapal dalam al-Quran iaitu *al-Fulk*, *al-Safinah* dan *al-Jawar*. Walau bagaimanapun, kertas kerja tersebut tidak memperincikannya setiap satu jenisnya dan lebih menfokuskan konteks admiralti. Beberapa tafsir al-Quran dan kamus Arab dirujuk. Kamus *Lisan al-Arab* yang merupakan kamus besar bahasa Arab turut digunakan untuk memahami lebih jelas maksud ketiga-tiga istilah tersebut (Ibn Manzur, 2003). Ayat-ayat al-Quran daripada pelbagai surah berhubung jenis kapal akan dikeluarkan dan dianalisa. Dalam konteks ini tafsir terjemahan *Pimpinan al-Rahman* digunakan untuk memahami setiap terjemahan ayat al-Quran yang berkaitan dengan jenis kapal (Abdullah b. Muhammad Basmeih, 2000).

Dalam kajian naskhah-naskhah Melayu pula, beberapa teks sejarah akan digunapakai iaitu *Hikayat Raja Pasai*, *Sejarah Melayu*, *Hikayat Aceh*, *Hikayat Siak*, *Peringatan Sejarah Negeri Johor* dan *Tuhfat al-Nafis*. Walau bagaimanapun keenam teks sejarah ini telah dianalisa dalam pelbagai bidang oleh Denisova (2011) dalam bukunya "*Refleksi Historiografi Alam Melayu*". Antara bidang tersebut adalah ekonomi dan hubungan luar alam Melayu yang mengetengahkan aspek geografi, sumber ekonomi dan juga teknologi perkapalan menerusi enam naskhah Melayu tersebut. Di samping itu, artikel Hashim Musa (2014), "*Sejarah Ringkas Warisan Perkapalan Tradisional Melayu*" juga memberi gambaran sejarah perkapalan tradisional Melayu. Untuk mengetahui beberapa jenis kapal di alam Melayu, *Kamus Malay-English Dictionary* yang disusun oleh Wilkonson (1901) digunakan. Kamus ini menggunakan tulisan Jawi untuk mengetahui istilah bahasa Melayu khususnya dalam manuskrip Melayu lama.

## METODE KAJIAN

Kajian ini adalah kajian sorotan awal yang menggunakan kaedah kualitatif. Metod yang digunakan adalah metod dokumentasi yang merujuk bahan-bahan sumber primer untuk dianalisa. Ia berbentuk deskriptif dengan menggunakan kaedah perbandingan (*comparative analysis*) dan kaedah analisa kandungan (*content analysis*) menerusi teks al-Quran dan beberapa naskhah Melayu.

**DAPATAN KAJIAN**

**i) Model Kapal Dalam Al-Quran**

Kapal merupakan sejenis pengangkutan yang kerap disebut oleh Allah SWT menerusi al-Quran berbanding kenderaan lain. Ia digambarkan dengan unsur kemajuan, kecanggihan dan ketamadunan. Terdapat tiga istilah berhubung dengan kapal dalam al-Quran iaitu *al-Fulk*, *al-Safinah* dan *al-Jawar* (Asmar, 2011). Berdasarkan kertas kerja Asmar Abdul Rahim, “*Kapal dan Pengertian Mengikut Perspektif al-Quran*”, *al-Fulk* merujuk kepada sebuah kapal yang bersaiz besar, bertujuan untuk pengangkutan dan perdagangan. *Al-Safinah* pula membawa maksud sampan yang kecil, manakala perkataan *al-Jawar* tidak dijelaskan pengertiannya. Menurut beliau ketiga-tiga istilah tersebut adalah klasifikasi atau kategori kapal dalam al-Quran.

Berbeza pula dengan *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan*, ketiga-tiga istilah/model ini menjurus kepada pengertian yang sama iaitu kapal, walau bagaimanapun terdapat sedikit perbezaan dari segi penggunaannya dalam al-Quran yang dikaitkan dengan keadaan muka bumi atau geografi. *Al-Fulk* digunapakai ketika keadaan ombak yang menggulung, manakala *al-Safinah* digunapakai untuk menceritakan angin yang bertiup dan *al-Jawar* ketika kawasan yang berair dan dalam (Osman, 2006). Merujuk Kamus *Lisan al-Arab*, *al-Safinah* membawa maksud sesuatu yang membawa pengangkutan manusia atau kelengkapan barangan. Diceritakan bahawa seorang hamba diberi nama Safinah kerana telah membawa Saidina Hasan dan Husin dan nama Safinah sempena kapal yang membawa barang. Manakala *al-Jawar* pula merujuk air dalam di mana ia adalah sebahagian daripada bahtera nabi Nuh as. Manakala perkataan *al-Fulk* tidak dinyatakan maksudnya sebaliknya lebih membahaskan tatabahasa berkaitannya. Ia digambarkan seperti *al-Safinah* (Ibn Manzur, 2003).

Berikut adalah ayat-ayat al-Quran yang dikeluarkan daripada pelbagai surah yang menggunakan istilah *al-Fulk*, *al-Safinah* dan *al-Jawar*. Hasil analisa ayat dapat dinyatakan fungsi setiap daripada jenisnya.

**Jadual 1** : Ayat-ayat al-Quran Berkaitan *al-Fulk*, *al-Safinah* dan *al-Jawar*. Sumber : i) Sheikh Abdullah b. Muhammad Basmeih (2000). *Tafsir Pimpinan ar-Rahman kepada Pengertian al-Quran*. Cet. 16. Kuala Lumpur : Darul Fikr. ii) Abdullah bin Muhammad bin Abdurrahman (2008), *Tafsir Ibn Kathir*, Terj. M. Yusuf Harun et.al., Jakarta : Muraja’ah Tim Pustaka Imam Asy-Syafi’i.

MO DE L/  IST ILA H	SURAH DAN AYAT	TERJEMAHAN AL-QURAN	TAFSIR IBN KATHIR	FUNGSI
	Al-Baqarah 2: 164	“...dan (pada) kapal-kapal yang belayar dilaut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia...”		Muatan barang / Perdagangan
	Al-A`raf	“...lalu kami selamatkan dia dan orang-	iaitu sebuah kapal	Peringat

<b>Al-Fulk</b>	7: 64	orang yang besertanya didalam bahtera, dan kami karamkan orang-orang yang mendustakan ayat-ayat kami...”		an Allah Kekuasaan Allah
	Yunus 10:22, 73	22 : “Dialah yang menjalankan kamu didarat dan dilaut (dengan diberi kemudahan menggunakan berbagai jenis kendaraan); sehingga apabila kamu berada didalam bahtera, dan bahtera itu pula bergerak laju membawa penumpang-penumpangannya dengan tiupan angin yang baik...”  73 : “Mereka tetap juga mendustakan nabi Nuh, lalu kami selamatkan dia bersama-sama pengikut-pengikutnya yang beriman di dalam bahtera ...”		Muatan manusia
	Hud 11: 37, 38, 40	37 : “Dan buatlah bahtera dengan pengawasan serta kawalan Kami, dan dengan panduan wahyu Kami ...”  38 : Dan nabi Nuh pun membuat bahtera itu...”  40 : “...bawalah dalam bahtera itu dua dari tiap-tiap sejenis haiwan (jantan dan betina) dan bawalah ahli mu kecuali orang yang telah ditetapkan hukuman azab atasnya (disebabkan kekufurannya), juga bawalah orang-orang yang beriman...”		Muatan manusia dan haiwan
	Ibrahim 14:32	“...dan la memberi kemudahan kepada kamu menggunakan kapal-kapal untuk belayar di laut dengan perintahnya, juga yang memudahkan sungai-sungai untuk kamu (mengambil manfaat darinya)”.	Tundukkan lautan untuk membawa kapal yang dijadikan oleh para musafir sebagai alat transportasi dari satu daerah ke satu daerah yang lain untuk angkut barang dari satu tempat ke tempat yang lain.	Kekuasaan Allah  Muatan
	An-Nahl 16: 14	“...dan ( selain itu) engkau melihat pula kapal-kapal belayar padanya, dan lagi supaya kamu dapat mencari rezeki daripada limpah kurnianya; dan supaya	Allah memberi anugerah kepada mereka dengan memudahkan lautan supaya perahu-perahu dapat belayar mengarunginya dan dikatakan pula, angin yang menggerakkannya, dua macam pengertian ini benar. Pendapat	

	kamu bersyukur”.	lain mengatakan menggerakkan kapal pada lambungnya yang melengkung. Allah lah yang mengajari hamba-hambanya tentang cara membuat perahu yang merupakan warisan dari bapak mereka, nabi Nuh a.s kerana dialah pertama yang mengendarai perahu. Nabi Nuh memiliki pengetahuan tentang cara pembuatan perahu, lalu orang-orang mengambil contoh darinya dari abad ke abad, dari generasi ke generasi meka belayar dari negara ke negara dan dari negeri ke negeri dan dari benua ke benua untuk mengambil apa yang ada di sana...	Kekuasaan Allah  Pencarian rezeki
Al-Isra` 17: 66	“Tuhan kamulah yang menjalankan untuk kamu kapal-kapal dilaut, supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnianya...”	Untuk cari kurnia melalui perniagaan dari satu daerah ke daerah yang lain.	Kekuasaan Allah  Pencarian rezeki
Al-Haj 22: 65	“...dan (demikian juga) kapal-kapal yang belayar dilaut dengan perintahnya?...”	Bahtera belayar dengan perintah Nya yaitu dengan aturan dan kemudahannya. Yakni di lautan luas dan getaran ombak... membawa barang dagangan, benda dan jasa.	Kekuasaan Allah  Muatan
Al-Mu`min un 23: 22,27, 28	22 : Dan di atas binatang-binatang ternak itu, serta di atas kapal-kapal kamu diangkut.  27 : “Lalu kami wahyukan kepadanya : “ buatlah bahtera dengan pengawasan serta kawalan kami ... maka masukkanlah ke dalam bahtera itu dua dari tiap-tiap sejenis haiwan (jantan dan betina) , dan bawalah ahlimu (dan pengikut-pengikutmu)...”  28 : “Kemudian apabila engkau dan orang-orang yang beserta denganmu	Ayat 22: diangkut dengan perahu  Ayat 27: perintah buat kapal besar, mengatur dan menemukinya untuk angkut pasangan (lelaki dan perempuan), haiwan, tumbuhan, buah buahan dan keluarganya.	Muatan manusia  Muatan haiwan  Kekuasaan

	telah berada di atas bahtera itu, maka hendaklah engkau (bersyukur kepada Allah dengan)..."	Ayat 28: Kisah Nabi Nuh.	an Allah  Syukur
Al-Asyura 26: 119	"Maka kami selamatkan dia dan orang-orang yang bersama-sama dengannya dalam bahtera yang penuh sarat (dengan berbagai-bagai makhluk)"	Kisah Nabi Nuh penuh muatan barang dan manusia	Kekuasaan Allah  Muatan
Al-Ankabut 29: 65	"Dalam pada itu, apabila mereka naik bahtera (lalu menemui sesuatu bahaya di laut), mereka memohon pertolongan kepada Allah dengan doa yang tulus ikhlas kepadanya. Kemudian setelah Allah menyelamatkan mereka ke darat, mereka berlaku syirik kepadanya"	Tiada huraian	Kekuasaan Allah  Peringatan Allah
Al-Rum 30: 46	"...supaya kapal-kapal belayar laju dengan perintahnya, dan juga supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnianya; dan seterusnya supaya kamu bersyukur"	dilautan. Kapal itu dilayarkan melalui perantaraan hembusan angin.  di dalam perdagangan mencari nafkah serta melakukan perjalanan dari satu kota ke satu kota lain dan dari satu negara ke negara yang lain.	Kekuasaan Allah  Pencarian rezeki
Luqman 31: 31	"Tidakkah engkau memerhatikan bahawasanya kapal-kapal belayar dilaut dengan nikmat kurnia Allah, untuk memperlihatkan kepada kamu sebahagian dari tanda-tanda kemurahannya? Sesungguhnya dengan yang demikian itu mengandungi keterangan-keterangan dan bukti (untuk berfikir) bagi tiap-tiap (mukmin) yang tetap teguh pendiriannya, lagi sentiasa bersyukur"	Allah yang menundukkan laut agar kapal dapat belayar di atasNya dengan Perintahnya iaitu dengan kelembutan dan pengaturannya. Sesungguhnya seandainya Dia tidak menjadikan daya dalam air yang dapat membawa kapal, nescaya kapal itu tidak akan dapat belayar.	Kekuasaan Allah  Peringatan Allah  Syukur
Fathir	"...(selain itu) engkau melihat pula kapal-kapal membelah air belayar padanya; (diadakan semuanya itu)supaya kamu	Yaitu mengarungi dan membelah lautan dengan pangkalnya yang meerupakan bahagian terdepan yang menyerupai dada burung.	Peringatan Allah

35: 12	dapat mencari rezeki dari limpah kurnia Allah, dan supaya kamu bersyukur”	Mujahid berkata, “ anginlah yang membelah kapal-kapal.  yaitu perjalanan kalian dalam berdagang dari satu benua ke benua yang lain dan dari satu daerah ke daerah yang lain.	Syukur Pencarian rezeki
Yasin 36: 41	“Dan satu dalil lagi untuk mereka (insaf) ialah Kami membawa belayar jenis keluarga mereka dalam bahtera yang penuh sarat”	yaitu perahu yang dipenuhi barang-barang dan haiwan yang berpasang-pasangan yang diperintah oleh Allah.  Ad-Dhahhal, Qatadah dan Ibn Zaid berkata,” Yaitu perahu Nuh.	Kekuasaan Allah  Muatan
Ash Shafaat 37: 140	“(ingatkanlah peristiwa) tatkala ia melarikan diri ke kapal yang penuh sarat”	Kapal yang penuh dengan muatan barang.	Peringatan Allah  Muatan
Al- Mukmin 40: 80	“...serta di atas kapal-kapal, kamu diangkut”	Kenderai bahtera	Muatan
Az- Zukruf 43: 12	“...dan ia mengadakan bagi kamu kapal-kapal dan binatang ternak yang kamu dapat mengenderainya”	Dan kapal-kapal	Muatan  Kekuasaan Allah
Al- Jatsiah 45:12	“...supaya kapal-kapal belayar padanya dengan perintahnya, dan supaya kamu dapat mencari rezeki dari limpah kurnianya, dan supaya kamu bersyukur”	Yaitu kapal-kapal yang belayar atas perintahNya kerana Dialah yang telah memerintahkan lautan untuk membawanya dan supaya dapat mencari sebahagian karunia Nya yaitu melalui perniagaan dan pekerjaan supaya kamu bersyukur	Kekuasaan Allah  Syukur Pencarian rezeki
	71 : “Lalu berjalanlah keduanya sehingga apabila mereka naik ke perahu, ia membocorkannya. Nabi Musa	Perahu yang masih bagus	



<b>Al-Safinah</b>	Al-Kahfi 18: 71, 79	berkata: “ Patutkah engkau membocorkannya sedang akibat perbuatan mu itu menenggelamkan penumpangnya?...”  79 : Adapun perahu itu adalah yang dipunyai oleh orang-orang miskin yang bekerja dilaut; oleh itu aku bocorkan dia dengan tujuan hendak mencacatkannya kerana dibelakang mereka nanti ada seorang raja yang merampas tiap-tiap sebuah perahu yang tidak cacat.		Pengajaran daripada kisah
	Al-Ankabut 29: 15	“Maka dengan sebab itu kami selamatkan dia dan pengikut-pengikutnya yang turut serta dalam bahtera, dan kami jadikan bahtera itu satu tanda (yang membuktikan kekuasaan kami dan memberi pengajaran insaf) kepada sekalian makhluk”	Kisah nabi Nuh dan kaumnya	Kekuasaan Allah  Pengajaran kisah
<b>Al-Jawar</b>	Asy Syura 42: 32	“Dan diantara tanda-tanda kekuasaanNya ialah kapal-kapal (yang besar tinggi) seperti gunung, belayar laju merempuh lautan”	Kapal dilautan seperti gunung di daratan	Kekuasaan Allah  Fizikal kapal
	Ar Rahman 55; 24	“Dan dialah yang menguasai kapal-kapal yang belayar dilaut, yang terkembang tinggi layarnya seperti gunung ganang”	Kapal-kapal belayar ...yang belayar tinggi bagai gunung.	Kekuasaan Allah  Fizikal kapal

Hasil dapatan menunjukkan bahawa istilah *al-Fulk* lebih kerap disebut berbanding *al-Safinah* dan *al-Jawar*. *Al-Fulk* diulang sebanyak 24 kali menerusi 19 buah surah. Berbanding *al-Safinah* sebanyak 3 kali menerusi 2 surah dan *al-Jawar* 2 kali menerusi 2 surah. Dalam jadual tersebut dapat dirumuskan bahawa *al-Fulk* lebih menceritakan tentang fungsi kapal iaitu pengangkutan manusia, barangan dan haiwan. Pada masa yang sama *al-Fulk* juga menjadi simbol kepada kekuasaan Allah dan seruan kepada sifat bersyukur. Manakala *al-Safinah* lebih menjurus kepada pengajaran kisah dan iktibar iaitu kisah Nabi Musa as. dan Nabi Nuh as. *Al-Jawar* pula lebih menceritakan ciri fizikal kapal dan keadaan laut (Tafsir Ibn Kathir).

Berdasarkan analisa ayat-ayat tersebut menunjukkan fungsi kapal dalam al-Quran adalah i) Pengangkutan manusia, ii) Membawa barangan dan haiwan, iii) Pembuktiaan kekuasaan Allah, iv) Nikmat dan anugerah, v) Peringatan, vi) Pengajaran kisah, vii) Pencarian rezeki, viii) Seruan untuk berfikir dan bersyukur. Manakala struktur binaan kapal yang disebut adalah mempunyai tiang layar dengan menggunakan tenaga angin dengan izinNya.

Dapat dirumuskan bahawa fungsi kapal dalam al-Quran dijelaskan secara falsafah dan pemikiran, pengajaran dan iktibar disebalik kejadian teknologi perkapalan. Sebahagiannya besarnya disuruh manusia agar berfikir dalam mencari anugerah dan nikmat disebalik penciptaan kapal. Suatu kekerapan di mana Allah SWT menyeru berhubung keperluan bersyukur dan sabar disetiap akhir ayat tertentu. Sebahagian para anbia' juga turut dikaitkan dengan jenis kapal iaitu Nabi Nuh as. (*al-Fulk* dan *al-Safinah* (1 kali)), Nabi Musa as. dan Nabi Khidir as. (*al-Safinah*) dan Nabi Yunus as. (*al-Fulk*).

## ii) Model Kapal Dalam Naskhah-naskhah Melayu

Alam Melayu merupakan sebuah rantau kepulauan di mana bentuk muka bumi terdiri daripada pelbagai pulau antaranya kepulauan Borneo, kepulauan Jawa, kepulauan Sulawesi, kepulauan tanah Melayu dan pelbagai lagi. Faktor ini antara penyumbang kepada tertubuhnya kerajaan berasaskan Maritim yang menggunakan kapal sebagai pengangkutan dan perhubungan. Kedudukan strategik yang terlindung dari angin monson menjadikan rantau ini menjadi tempat persinggahan para pedagang (Lapian, 2008). Muncul pelbagai pelabuhan antaranya pelabuhan Melaka, pelabuhan Kedah, pelabuhan Aceh, pelabuhan Riau, pelabuhan samudera Pasai dan banyak lagi (Hashim Musa, 2014). Hubungan masyarakat di Nusantara dengan para pedagang luar menjadi antara faktor pendedahan masyarakat Nusantara dalam ilmu perkapalan dan pelayaran. Beberapa catatan Cina menunjukkan bahawa kapal yang dibina oleh orang Nusantara sangat besar yang dipanggil Kun-lun-po. Berikut merupakan petikan catatan abad ke-3M :

*“Orang asing itu menamakan kapal po yang besarnya melebihi lima puluh lima puluh meter panjang dan terapung empat ke lima meter di permukaan air. Kapal-kapal itu membawa antara enam ke tujuh ratus orang dengan 10 000 takar kargo... mempunyai peralatan [sehingga] empat bidang layar yang mereka jajarkan dari haluan hingga butiran...”*

(Petikan oleh Ahmad Jelani Halimi, 2006)

Bukan sekadar kepakaran pembuatan kapal, sebaliknya masyarakat Nusantara juga sangat mahir dalam ilmu pelayaran antaranya Panglima Awang atau Henry The Black adalah seorang tokoh pelayaran Melayu awal mengelilingi dunia (Nik Hassan, 2009). Untuk mengkaji jenis kapal di alam Melayu, naskah-naskhah Melayu perlu diteliti. Antara teks sejarah Melayu yang sering digunakan adalah *Hikayat Raja Pasai*, *Sejarah Melayu*, *Hikayat Aceh*, *Hikayat Siak*, *Peringatan Sejarah Negeri Johor* dan *Tuhfat al-Nafis*. Walau bagaimanapun, kajian mendapati keenam naskhah tersebut telah dikaji dari pelbagai aspek termasuklah ekonomi oleh Denisova (2011) menerusi buku beliau *“Refleksi Historiografi Alam Melayu”*. Dalam buku tersebut nama-nama atau jenis kapal tradisional disebut berserta ciri-ciri kapal. Walau bagaimanapun, jenis-jenis tersebut tidak disusun mengikut klasifikasi model berdasarkan saiz kapal. Menurut Hashim Musa (2014), kapal di alam Melayu boleh dibahagikan kepada tiga model mengikut saiz iaitu i) Kapal besar ii) Kapal sederhana iii) Kapal kecil. Berikut merupakan analisis model kapal di alam Melayu beserta fungsi :

**Jadual 2** : Model kapal di alam Melayu. Sumber : i) Tatiana A.Denisova (2011), *Refleksi Historiografi Alam Melayu*, ii) Ibrahim Ahmad (2015), "Teknologi Perkapalan dan Legasi Pelayaran Melayu di Selat Melaka Pada Abad Ke-18 dan Ke-19", iii) Hashim Musa, Rozita Che Rodi et.al (2014) "Sejarah Ringkas Warisan Perkapalan Tradisional Melayu", iv) R.J Wilkinson (1901), *Malay-English Dictionary*, v) Kamus Dewan edisi keempat (2007).

MODEL	JENIS	CIRI-CIRI	FUNGSI
<b>Kapal Besar</b>	Jong <sup>1</sup> -Kapal layar Cina	- Kapal besar	Perang/Perdagangan/Lawatan
	Ghali	- Mempunyai 3 tiang layar dan dayung - Bahagian haluan terdapat perempuh bagi menenggelamkan kapal musuh	Perang
	Pinisi	- Perahu layar tradisional Bugis, muncul setelah pupusnya Jong <sup>2</sup> - Panjang 35 meter - Dua tiang layar, tujuh bidang layar <sup>3</sup>	Perdagangan
	Ghurab	- Bertiang satu, layar bersegitiga - Panjang 90 meter - Model kapal Arab <sup>4</sup>	Perang/Lawatan/Perdagangan
	Penjabab(Bugis)	- Dua tiang layar, layar berbentuk empat segi - Pada bahagian haluan ada 2 buah meriam <sup>5</sup> - Saiz kecil : serangan peperangan Saiz besar : pelindung peperangan Panjang 25 meter <sup>6</sup>	Perang Lawatan Perdagangan  Dayung 20-30 pendayung

<sup>1</sup> Kamus dewan edisi keempat (2007), Kuala Lumpur : DBP.

<sup>2</sup> Ibrahim Ahmad (2015), "Teknologi Perkapalan dan Legasi Pelayaran Melayu di Selat Melaka Pada Abad Ke-18 dan Ke-19", dlm. *Antropologi Dan Sejarah Dalam Kearifan Tempatan*, Pulau Pinang : Universiti Sains Malaysia.  
<sup>3</sup> Hashim Musa et.al. (2014), *Sejarah Ringkas Warisan Perkapalan Tradisional Melayu*, "International Journal of the Malay World and Civilisation (IMAN)", 2(3), 31-42.

<sup>4</sup> Tatiana A.Denisova (2011), *Refleksi Historiografi Alam Melayu*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya, h.272.  
<sup>5</sup> Ibrahim Ahmad (2015), "Teknologi Perkapalan dan Legasi Pelayaran Melayu".

<sup>6</sup> Tatiana A.Denisova (2011), *Refleksi Historiografi Alam Melayu*,h.282.

<b>Kapal Sederhana</b>			Angin
	Pendekawang (Bugis)	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Satu tiang layar (kecil)</li> <li>- Dua atau tiga tiang, layar persegi (besar)</li> <li>- Kapal Bugis yang utama di Selat Melaka<sup>7</sup></li> <li>- Panjang 30 meter<sup>8</sup></li> </ul>	Perang Perdagangan Lawatan
	Pencalang	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Panjang 25 meter<sup>9</sup></li> </ul>	Lawatan Perdagangan  Dayung 25 org.
<b>Kapal Kecil</b>	Perahu		Pengangkutan Lawatan Perdagangan Perang
	Kakap	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Ringan</li> <li>- Satu tiang, satu layar empat segi</li> <li>- Sentiasa berdamping dengan penjajab.<sup>10</sup></li> </ul>	Pengangkutan (selamatkan diri) Perang Lawatan
	Sekoci	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Biasanya dibawa oleh kapal besar untuk tujuan menyelamatkan diri.<sup>11</sup></li> </ul>	Pengangkutan (selamatkan diri)  Menjala atau mencandat sotong.

Jadual 2 menunjukkan jenis-jenis kapal tradisional di alam Melayu yang dapat dianalisa. Walau bagaimanapun masih terdapat pelbagai lagi jenis kapal tradisional yang tidak termasuk dalam jadual di atas disebabkan beberapa kekangan pencarian data. Model kapal besar antaranya Jong, Ghali, Pinisi dan Ghurab, manakala model kapal sederhana adalah penjajab, pendekawang dan pencalang. Model kapal kecil terdiri daripada Perahu, Kakap dan Sekoci. Setiap satu model mempunyai ciri-ciri tersendiri bersesuaian dengan fizikal dan saiz kapal. Kapal besar kebiasaan digunakan di laut dalam dan untuk perjalanan yang jauh. Kebiasaannya mempunyai ukuran Panjang melebihi 30 meter. Ia terdiri daripada dua atau tiga tiang layar. Kapal sederhana lebih kecil dengan menggunakan satu atau dua tiang layar. Pelayarannya menggunakan tenaga angin atau tenaga manusia dengan

<sup>7</sup> Ibrahim Ahmad (2015), "Teknologi Perkapalan dan Legasi Pelayaran Melayu.

<sup>8</sup> Tatiana A.Denisova (2011), *Refleksi Historiografi Alam Melayu*, , h.281.

<sup>9</sup> *Ibid.*

<sup>10</sup> Ibrahim Ahmad (2015), "Teknologi Perkapalan dan Legasi Pelayaran Melayu.

<sup>11</sup> Hashim Musa, "Sejarah Ringkas Warisan Perkapalan Tradisional Melayu", 31-42.

dayungan 20-30 pendayung. Kebiasaannya digunakan diperairan antara pelabuhan di kepulauan Melayu. Kapal kecil lebih ringan dan mudah untuk dikendalikan. Kebiasaannya kapal kecil akan dibawa oleh kapal besar dan digunakan ketika menghadapi kecemasan. Kapal kecil juga digunakan di perairan persisir pantai dan sungai sama ada untuk aktiviti penangkapan hasil laut atau tujuan pengangkutan (Hashim Musa, 2014).

Berdasarkan jadual 2, fungsi kapal di alam Melayu adalah i) Membawa barangan atau perdagangan, ii) Lawatan atau pengangkutan manusia, iii) Peperangan, iv) Penangkapan hasil laut. Dapat dirumuskan bahawa keadaan geografi alam Melayu mempengaruhi fungsi perkapalan di rantau ini. Kepelbagaian pulau menjadikan kapal antara pengangkutan untuk tujuan perhubungan. Sumber ekonomi berasaskan hasil laut juga memerlukan perkapalan. Bentuk muka bumi yang strategik antaranya berteluk, selat, kuala, tanjung menjadikannya ia sebagai tempat persinggahan orang luar (Denisova, 2011). Selain kedudukan strategik, kepulauan Melayu juga kaya dengan kepelbagaian hasil alam yang menarik minat kuasa barat (Ahmad Jelani Halimi, 2006). Ini mendorong wujudnya jenayah perlanunan (perompak laut atau bajak laut) yang kerap kali timbulnya peperangan. Justeru, kapal di alam Melayu di bina sesuai dengan struktur dan fungsinya.

### Perbincangan Dan Cadangan Kajian

Hasil kajian mendapati kapal merupakan sejenis kenderaan atau pengangkutan yang paling kerap disebut berbanding kenderaan lain. Kapal mempunyai fungsi pelbagai dan mampu memberi manfaat kepada manusia. Apa yang membezakan kedua-dua teks ini berhubung dengan perkapalan adalah kaedah penyampaian dan penerangan. Al-Quran merupakan wahyu Allah SWT, mempunyai mesej mendalam yang berbentuk falsafah dan pemikiran, peringatan, pengajaran serta iktibar. Manakala naskhah-naskhah Melayu pula berbentuk kisah atau penceritaan yang dicatatkan oleh pengarang berhubung sesuatu zaman yang secara tidak langsung disebutkan jenis kapal dalam penyampaianya.

Dapat dirumuskan bahawa fungsi kapal dalam al-Quran lebih menjurus kepada pembuktian kekuasaan Allah SWT, peringatan daripada Allah SWT menerusi pelbagai kisah, seruan untuk bersyukur dalam kepelbagaian nikmat dan berfikir serta mengambil pengajaran disebalik hikmah kejadian kapal. Walau bagaimanapun, fungsi kapal secara khusus juga turut dinyatakan iaitu pengangkutan manusia, membawa barangan dan haiwan serta digunakan untuk pencarian rezeki. Berhubung dengan struktur kapal dalam al-Quran hanya dinyatakan mempunyai tiang layar dan menggunakan tenaga angin (dengan izinNya) untuk berlayar. Struktur kapal tidak disebut secara terperinci dalam al-Quran, walau bagaimanapun, perinciannya dapat diteliti menerusi hadis dan kitab-kitab sejarah Islam (tidak termasuk dalam skop kajian ini).

Kapal dalam naskhah-naskhah Melayu dapat dikenal pasti fungsi dan strukturnya melalui penceritaan dan kisah yang disampaikan pengarang naskhah. Fungsi kapal dalam teks Melayu adalah khusus kepada kepenggunaannya iaitu perdagangan, pengangkutan manusia yang bertujuan untuk lawatan atau perkahwinan, peperangan dan penangkapan hasil laut. Manakala struktur kapal lebih jelas diceritakan dalam teks. Kebiasaannya dinyatakan ukuran saiz panjang, tiang layar dan kuantiti muatan yang dibawa. Struktur kapal diceritakan oleh sebahagian pengarang untuk menggambarkan kebesaran dan kehebatan sesebuah kerajaan.

Cadangan kajian :

Kertas kerja ini berbentuk kajian deskriptif. Berikut adalah cadangan kajian lanjutan:

- i) Kajian tokoh pelayaran Islam seperti Ibn Batutah.

- ii) Kajian perkembangan kapal dalam tamadun Islam berdasarkan kitab hadis dan sejarah Islam.
- iii) Kajian tokoh pelayaran Melayu seperti Panglima Awang.
- iv) Kajian jaringan pelayaran Nusantara.
- v) Kajian pemeliharaan khazanah kearifan tempatan dari aspek kapal tradisional Melayu.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, kedua-dua teks iaitu al-Quran dan naskhah-naskhah Melayu masing-masing menyebut berhubung perkapalan. Dalam al-Quran digunakan tiga istilah yang merujuk kepada kapal iaitu *al-Fulk*, *al-Safinah* dan *al-Jawar*. Terdapat kertas kerja yang menyebut bahawa istilah tersebut sebagai klasifikasi atau kategori kapal dalam al-Quran. Walau bagaimanapun, hasil penelitian menunjukkan ketiga-tiga istilah tersebut merujuk kepada kapal dan perbezaan kepenggunaan istilah tersebut bergantung kepada keadaan bentuk muka bumi, jenis dan tujuan. Manakala fungsi kapal dalam al-Quran lebih ke arah seruan untuk berfikir kekuasaan Allah dan bersyukur dengan nikmat yang diberi. Walau bagaimanapun fungsi secara khusus juga disebutkan untuk tujuan pengangkutan dan pencarian rezeki. Antara struktur kapal disebut adalah tiang layar. Dalam naskhah-naskah Melayu, terdapat pelbagai model kapal yang boleh dikategorikan sebagai kapal besar, sederhana dan kecil. Setiap daripadanya mempunyai jenis dan nama tersendiri. Struktur kapal adalah tiang layar, saiz lebar dan panjang dan kuantiti muatan. Dapat dinukilkan bahawa pembinaan kapal dan ilmu pelayaran membuktikan tahap kemajuan dan ketamadunan manusia.

## PENGHARGAAN

Kertas kerja ini adalah sebahagian daripada kajian Geran Dana Kecemerlangan [600-UiTMKDH(PJI.5/4/1) (1-2017)]. Terima kasih kerana membiayai kajian ini.

## Rujukan

- Ahmad, I. (2015). Teknologi perkapalan dan legasi pelayaran melayu di selat melaka pada abad ke-18 dan ke-19", dlm. *Antropologi Dan Sejarah Dalam Kearifan Tempatan, Pulau Pinang* : Universiti Sains Malaysia.
- Basmeih, S.A. (1992). Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri.
- Denisova, T.A. (2011), *Refleksi Historiografi Alam Melayu*, Kuala Lumpur : Penerbit Universiti Malaya.
- Halimi, A.J. (2006). *Perdagangan Dan Perkapalan Melayu Di Selat Melaka Abad Ke-15 Hingga Ke-18*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Ibn Manzur. (2003). *Lisan al-Arab*. Darul Hadis : Kaherah.
- Keempat, K. D. E. (2007). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khalid, H. O. (2006). Kamus Besar Arab Melayu Dewan. *Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka*.

- Lapian, A. B. (2008). *Pelayaran dan perniagaan Nusantara abad ke-16 dan 17*. Komunitas Bambu.
- Musa, H., Rodi, R.C., Muhammad, S.J.N. (2014). *Sejarah ringkas warisan perkapalan tradisional Melayu*. Jurnal Antarabangsa Alam dan Tamadun Melayu (Iman), 2 (3). pp. 31-42. ISSN 2289-1706.
- Muhammad A. (2008). *Tafsir Ibn Kathir*, Terj. M. Yusuf Harun et.al., Jakarta : Muraja'ah Tim Pustaka Imam Asy-Syafi'i.
- Rahim, A.A., Nor, M.Z.M. (2011) *Kapal dan pengertiannya: satu pengungkapan mengikut perspektif Al-Quran*. Jurnal Undang-Undang dan Masyarakat, 15 . pp. 19-30. ISSN 1394-7729
- Rahman, N.H.S.N.A., Radzi, S.B.M., Tamrin, K.M., & Bakar, Y.A. (2009). Enrique Melaka@ Panglima Awang sebagai Magellan Melayu. SARI: Jurnal Alam dan Tamadun Melayu, 27(2), 167-198.
- Wilkinson, R. J. (1901). *A Malay-English Dictionar*, Singapore : Kely&Walsh.